Soalan : Sekolah kamu baru sahaja mengadakan aktiviti menceriakan dan mengindahkan sekolah. Lengkapkan laporan ini dengan jawapan yang sesuai. Kemudian,tulis semula laporan tentang aktiviti tersebut.

23 MAC 2021	memberi taklimat	menanam pokok bunga	Menceriakan Kawasan Sekolah	gembira	
dicatkan	membersihkan kawasan sekolah	Setiausaha Kelab Keceriaan	menikmati makanan		
gotong-royong	berbakat	melukis mural	tiga kumpulan	bersurai,	kebun sayur

Gotong-royong_____

Pada 20 Mac 2021, Sekolah Kebangsaan Taman Cuepacs, telah mengadakan _____menceriakan dan mengindahkan kawasan sekolah. Aktiviti ini disertai oleh murid-murid tahap dua ,guru-guru dan kakitangan sekolah.

Pada pukul 8.00 pagi, Guru Penolong Kanan Kokurikulum telah _____kepada guru-guru dan murid-murid tentang aktiviti yang akan dijalankan. Murid-murid telah dibahagikan kepada_____. Setiap kumpulan diketuai oleh tiga orang guru dan seorang kakitangan sekolah.

Kumpulan pertama ditugaskan untuk _____ dan pokok hiasan yang pelbagai jenis di sekitar kawasan sekolah. Antara pokok bunga yang ditanam ialah pokok bunga raya, pokok bunga matahari dan pokok bunga kertas. Pasu-pasu bunga juga telah _____ dengan warna-warna yang menarik.

Kumpulan kedua pula membuat Taman Herba dan_____. Pelbagai jenis tanaman herba dan sayur-sayuran ditanam di taman ini seperti sireh, sawi, kacang botol, pokok limau purut dan lain-lain lagi. Manakala, kumpulan ketiga pula perlu_____. Mereka terdiri daripada murid – murid yang _____dalam bidang seni lukis. Kumpulan ini melukis mural yang cantik dan berwarna – warni pada dinding- dinding bangunan sekolah.

Pada pukul 10.00 pagi, kami berehat dan_____ yang disediakann oleh pihak kantin sekolah. Setengah jam kemudian, iaitu pada pukul 10.30 pagi, kami menyambung semula aktiviti gotong-royong itu.

Aktiviti menceria dan mengindahkan kawasan sekolah ditamatkan pada pukul 12.00 tengah hari setelah tugas selesai disiapkan oleh setiap kumpulan. Kini, kawasan sekolah tampak lebih cantik dan ceria. Sebelum _____, kami dijemput menikmati makan tengah hari di kantin sekolah. Kami sungguh _____kerana dapat bergotong-royong_____. Semoga aktiviti sebegini dapat dijalankan lagi pada tahun – tahun yang akan datang.

Laporan disediakan oleh, _____

.....
(AHMAD DAUD BIN AHMAD KAMIL)
_____
SK Taman Cuepacs

CIKGU FADZILAH

LIVEWORKSHEETS